

SEKITAR



EDISI 5 : 1 - 15 MAC 2016

MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA



Istiadat Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam & Felo INTAN 2016

ms2



Majlis Interaksi KPPA Bersama-sama Peserta Kursus ALMP

ms3



Sesi Engagement KPPA dengan Pegawai Tertinggi CUEPACS & MBK

ms3



Perhimpunan Bulanan JPA Mac 2016

ms4

Istiadat Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam & Felo INTAN 2016



PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA, PUTRAJAYA, 9 MAC 2016 - Pada tahun ini seramai 785 orang graduan ditauliahkan Diploma Pengurusan Awam (DPA) disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam majlis yang penuh dengan istiadat. Kesemua graduan tersebut adalah dari kumpulan peserta Kursus DPA Bil. 1/2014, Kursus Kadet PTD Bil. 1/2014 dan 2/2014. Sebanyak lima anugerah khas diberikan kepada graduan yang berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang dan memiliki kriteria seperti yang ditetapkan.

Dalam majlis yang sama juga berlangsung penganugerahan Felo INTAN. Anugerah Felo INTAN merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada tokoh perseorangan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan atas sumbangan kepada negara. Bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob adalah tokoh yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Felo INTAN yang ke-27 berasaskan kriteria kecemerlangan perkhidmatan, pembangunan modal insan, dan jasa bakti beliau.



Sesi *Engagement* KPPA dengan Pegawai Tertinggi CUEPACS dan MBK

PUTRAJAYA, 11 MAC 2016 - Sesi *Engagement* Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal bersama Ahli Pegawai Tertinggi CUEPACS dan MBK telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, JPA Putrajaya. Sesi *engagement* ini membincangkan perkara-perkara berbangkit bagi dasar Perkhidmatan Awam dan untuk memastikan dasar yang digubal mengambil kira pandangan dan cadangan dari pihak kesatuan sebelum ianya dilaksanakan. Antara fokus utama perbincangan pada sesi ini adalah perkara berkaitan penambahbaikan 252 skim perkhidmatan dan gaji permulaan terendah.



Perhimpunan Bulanan JPA Bulan Mac 2016



PUTRAJAYA, 10 MAC 2016 - Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Mac 2016, anjuran Bahagian Perkhidmatan telah berlangsung dengan bertemakan '3T' atau 'Tiga Tahun Transformasi'. Tema ini dipilih bersempena tarikh pelantikan YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal sebagai KPPA pada tanggal 15 Mac 2013.

Perhimpunan pada kali ini merangkumi pelbagai program dan tarikan unik, antaranya Pameran 3 Tahun Transformasi, dendangan muzik dari pelatih-pelatih Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), deklamasi puisi 'Mencari Mahligai Transformasi oleh YBhg. Tan Sri KPPA, dan juga gimik pelancaran buku 'JPA Di Sana Sini'.

Majlis Interaksi KPPA Bersama-sama Peserta Kursus ALMP



PUTRAJAYA, 10 MAC 2016 - Kursus *Advance Leadership Management Programme* (ALMP) adalah salah satu kursus *flagship* INTAN yang merupakan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Utama yang wajib dihadiri sebagai salah satu syarat pengesahan jawatan pegawai ke Gred Utama C. Peserta Kursus ALMP pada kali ini melihatkan seramai 61 orang peserta dari Siri

49, Bil. 1/2016. Majlis Interaksi KPPA Bersama-sama Peserta Kursus ALMP pada kali telah diadakan di Dewan Mezzanine, JPA. Peserta kursus juga telah di bawa ke Kaunter 1Serve JPA4U untuk berkongsi inisiatif yang dilaksanakan oleh JPA dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam.



PENTAS@C3: MINGGU BERTEMAKAN 'POP YEH YEH'



PUTRAJAYA, 4 MAC 2016 - Majlis Pentas@C3: Minggu Bertemakan 'Pop Yeh Yeh' telah berlangsung di Lobi Blok C3, Kompleks C, Putrajaya dan dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail, selaku Pengerusi PUSPANITA JPA.

Pelancaran Pentas@C3 merupakan sebuah program di bawah inisiatif JPA4U Ceria yang menekankan konsep '*work-life balance*' dan menyambut saranan dari amanat YBhg. Tan Sri KPPA 2016 yang bertemakan tahun keseronokan bekerja.

Tema Pentas@C3 kali ini mengimbau kembali era 60'an yang popular dengan genre 'Pop Yeh Yeh'. Para hadirin majlis telah disajikan dengan persembahan dari band JPA4U yang terdiri daripada warga JPA sendiri, termasuk YBhg. Dato' TKPPA (O), Dato' Raihan Sharif. YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail turut serta mendendangkan beberapa buah lagu semasa majlis berkenaan.



Tips kekal sihat di MUSIM PANAS

<p>Banyakkan minum air kosong tanpa mengira tahap aktiviti fizikal</p>	<p>Guna kipas / pendingin hawa untuk menyejukkan badan</p>	<p>Lebihkan masa berada di dalam rumah dan hadkan aktiviti luar</p>
<p>Pakai losyen pelindung suria (SPF 30 ke atas lebih baik)</p>	<p>Kurangkan minum minuman berkafein, alkohol dan bergula</p>	<p>Pakai pakaian yang ringan, berwarna terang dan longgar</p>
<p>Tidak duduk di dalam kenderaan yang bertutup tanpa pendingin hawa</p>	<p>Minum minuman isotonik untuk menggantikan garam yang hilang akibat berpeluh</p>	<p>Pakai topi / payung untuk melindungi daripada pancaran haba terus ke badan</p>



IKUTI KAMI



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA